

Langkah cegah jenayah pemerdagangan orang diperhebat

AKTA Antipemerdagangan Orang 2007 diluluskan di Parlimen pada 24 April 2007 serta dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008 bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang.

Susulan itu, pada 3 Ogos lalu, Parlimen meluluskan cadangan kerajaan bagi meminda akta ini untuk memasukkan kesalahan jenayah berhubung penyeludupan migran selain meningkatkan kadar penalti bagi kedua-dua jenayah ini.

Pindaan ini berkuatkuasa pada 15 November lalu dan instrumen perundangan ini kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Pemerdagangan orang bermaksud 'perbuatan membatalkan pemerolehan atau pengendalian tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindah, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang' bagi maklumat akta ini.

Elemen utama bagi membuktikan sebarang kesalahan berhubung dengan pemerdagangan orang adalah unsur eksploitasi dan ia boleh berlaku dalam sesebuah negara tanpa membabitkan aspek rentas sempadan.

Penyeludupan migran pu-

INFO		
Statistik pemerdagangan orang bagi tempoh 28 Februari 2008 hingga 21 November 2010		
Bil.	Perkara	Jumlah keseluruhan
1.	Jumlah Kes	284
2.	Jumlah Tangkapan	424
3.	Jumlah Mangsa - Perintah Perlindungan Sementara (IPO)	1,900
4.	Jumlah Mangsa - Perintah Perlindungan (PO)	698

la bermaksud 'mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warga negara atau pematautin tetap'.

Berbanding dengan pemerdagangan orang, individu atau golongan yang terbabit

dalam penyeludupan migran adalah mereka yang secara sukarela menggunakan perkhidmatan agensi atau sindiket haram untuk diseludup masuk ke sesebuah negara. Elemen penting dalam penyeludupan migran adalah ianya mesti melibatkan unsur merentas sempadan.

Akta ini juga memperuntukkan penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Mig-

ran yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh kementerian dan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara fungsi majlis adalah berperanan untuk merangka program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap punca dan akibat perbuatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Lima jawatankuasa ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi majlis iaitu; Jawatankuasa Perundangan diketuai Jabatan Peguam Negara; Jawatankuasa Penguatkuasaan diketuai Polis Diraja Malaysia; Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang diketuai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Jawatankuasa Media dan Publisiti diketuai Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan Jawatankuasa Mengkaji Isu Pemerdagangan Buruh diketuai Kementerian Sumber Manusia.

Sebanyak lima agensi penguatkuasaan dilantik untuk melaksanakan akta ini iaitu; Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.

Terdapat sembilan Rumah Perlindungan bagi mangsa pemerdagangan orang yang diwartakan. Pada masa kini enam rumah perlindungan sudah beroperasi iaitu tiga rumah perlindungan di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat manakala tiga rumah perlindungan di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri.

FAKTA NOMBOR

5
jawatankuasa
melaksanakan fungsi Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

9
rumah
Jumlah rumah perlindungan mangsa pemerdagangan orang yang diwartakan

6
unit
rumah perlindungan mangsa pemerdagangan orang sudah beroperasi

5
agensi
penguatkuasaan dilantik untuk melaksanakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007